

DINAMIKA

SEKOLAH I MALAYSIA

Alia Kamalia bt Kamaludin

Kalai Arasih A/P Ramachandiran

Adiba Rusyda bt Mazri



PENGENALAN

Sekolah I Malaysia merupakan satu inisiatif yang bagus kepada pelajar dan juga kepada rakyat Malaysia bagi menerapkan nilai perpaduan antara kaum dari bangku persekolahan . Tujuan sekolah I Malaysia ini untuk menggabungkan 3 kaum utama di Malaysia di dalam satu sekolah. Selain itu, tujuan sekolah ini juga mampu memupuk pelajar lebih memahami budaya dan adat resam yang ada di Malaysia.

PENTADBIRAN

- *'Streaming class'*
- ✓ Pentadbiran sekolah perlu bahagikan bilangan pelajar dengan meletakkan semua kaum (cina, india dan melayu) dalam satu kelas secara sama rata.

- Menganjurkan sambutan setiap perayaan untuk semua kaum di sekolah.

Contoh :

- Memakai pakaian tradisi apabila ada sambutan perayaan.



PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PDP)


- Bahasa Melayu menjadi bahasa pertuturan utama di sekolah.
 - Namun begitu, setiap kaum perlu mengambil bahasa lain sebagai bahasa tambahan.

Contoh :

- Pelajar Melayu perlu mempelajari Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil secara asas agar dapat berkomunikasi dengan lebih baik dengan pelajar kaum lain.

- Sususan meja abad ke – 21

Setiap meja di bilik darjah perlu disusun mengikut susunan abad ke – 21, di mana di setiap kumpulan perlu ada setiap kaum yang berbeza dan bukan satu kaum sahaja.



KOKURIKULUM

- Mengadakan permainan tradisional setiap kaum dalam hari sukan sekolah.

Contoh :

- Permainan tradisional Melayu : Congkak ,Wau
- Permainan tradisional India : Kabadi
- Permainan tradisional Cina : Diabolo

- Mewujudkan kelab kebudayaan yang melibatkan semua kaum

Contoh :

- Pelajar perlu tahu asas menggunakan alatan muzik tradisional semua kaum.
- Mengajar asas tarian semua kaum kepada pelajar supaya mereka lebih memahami setiap budaya yang ada di Malaysia.
 - Tarian tradisional Melayu : Zapin
 - Tarian tradisional India : Bharathanatyam
 - Tarian tradisional Cina : Tarian kipas



KESAN SEKOLAH I MALAYSIA

- Kerajaan dapat mengurangkan kos perbelanjaan.
- Pelajar dapat belajar pelbagai bahasa, tidak terhad kepada Bahasa Melayu sahaja.
- Langkah terbaik untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah.
- Negara kita tidak akan menghadapi masalah perpaduan kaum untuk jangka masa yang panjang.

KESIMPULAN

- Perpaduan antara kaum di kalangan rakyat Malaysia sewajarnya dipupuk sejak kecil lagi dan dimulakan sejak di bangku sekolah. Dalam pada itu, penubuhan sekolah berkonsep satu Malaysia akan membantu membina ikatan perpaduan antara kaum dengan lebih berkesan dan berkekalan untuk jangka masa yang lebih lama.